
JOM DAFTAR!
DAPATKAN VAKSIN ANDA
PENANG LAWAN COVID-19

1 - 15 JULAI, 2021

PERCUMA

PENANG 2030

# BULETIN MUTIARA

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# Taman Botani

## warisan semula jadi




> "Taman adalah tempat di mana kita mengumpulkan tanaman dan bercerita mengenai tumbuh-tumbuhan yang ada di sini. Untuk tujuan itu, tidak semestinya kita perlu memiliki pendidikan khusus berkaitan tanaman, tetapi kadang-kala apa yang kita perlukan hanyalah keinginan untuk berusaha selain mempunyai minat yang mendalam terhadap tumbuhan alam semula jadi.

PINTU masuk Taman Botani Pulau Pinang.

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **ALISSALA THIAN & AHMAD ADIL MUHAMAD**

**TAMAN** Botani Pulau Pinang atau juga dikenali sebagai *Penang Botanical Gardens* memainkan peranan penting sebagai kawasan riadah dan rekreasi bagi masyarakat tempatan.

Selain itu, taman tersebut juga merupakan warisan semula jadi negeri yang menyimpan kepelbagaian flora serta fauna unik sehingga ia digelarkan sebagai 'paru-paru hijau' bagi zon metropolitan negeri Pulau Pinang.

Baru-baru ini, Buletin Mutiara berkesempatan menemu bual kurator di Jabatan Taman Botani Pulau Pinang, **DATO' DR. SAW LENG GUAN** untuk mengetahui usaha terkini yang dijalankan bagi menambah baik perkhidmatan serta persekitaran taman tersebut.

Beliau yang telah berkhidmat selama empat tahun sebagai kurator di Jabatan Taman Botani Pulau Pinang menyatakan bahawa taman berkaitan merupakan yang tertua dalam negara dan wujud sejak 137 tahun lalu.

Justeru, beliau yang bersara secara rasminya pada 28 Mei 2021 meminta agar penggantinya serta kakitangan Jabatan Taman Botani Pulau Pinang untuk meningkatkan usaha dalam menjadikan taman berkaitan sebagai destinasi pilihan utama masyarakat dari dalam dan juga luar negara.

"Walaupun banyak lagi penambahbaikan perlu dilakukan di sini untuk keselesaan para pengunjung, tetapi taman ini wajar diberi pujian kerana lokasinya yang unik iaitu terletak hanya tiga hingga lima kilometer dari pusat bandar serta dikelilingi kawasan hutan semula jadi yang indah.

"Susun atur taman ini sangat unik dan sukar ditemui di tempat-tempat lain. Tambahan pula, lokasinya yang sangat dekat dengan hutan semula jadi membuatkan ia kelihatan sangat luar biasa. Inilah yang dinamakan alam semula jadi sebenar.

"Secara peribadi, bagi seseorang yang telah berkecimpung dalam bidang ini selama lebih dari tiga dekad, Taman Botani Pulau Pinang dilihat mempunyai beberapa kemudahan semula jadi terbaik yang tidak dapat digambarkan dengan kata-kata.



DR. Saw Leng Guan.

"Struktur kebun ini sangat indah dan menjadi salah satu faktor taman ini kelihatan sangat menonjol," katanya kepada Buletin Mutiara semasa wawancara khas dekat pejabat pentadbiran Taman Botani Pulau Pinang pada 27 Mei lalu.

*(Sambungan di muka 6).*

# PACE sedia platform pendidikan atlet

Oleh : **SUNARTI YUSOFF & WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD & NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**GEORGE TOWN** – Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang mewujudkan program *Penang Athlete Career Education* (PACE) untuk membantu atlet-atlet di negeri ini membina masa depan yang lebih cerah.

Justeru, Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee memberitahu bahawa pendidikan dan kebajikan atlet merupakan aspek yang sentiasa diberikan keutamaan di bawah program tersebut.

"Kerajaan Negeri mahu masa depan yang lebih cerah bagi atlet-atlet di negeri ini sekali gus dapat mengubah persepsi masyarakat terhadap bidang sukan sebagai satu kerjaya.

"Sebagai contoh, ramai dalam kalangan ibu bapa tidak menggalakkan anak-anak menjadi atlet kerana bimbang pelajaran mereka akan terjejas.

"Selain itu, ramai juga ibu bapa yang merasakan bahawa bidang sukan tidak dapat membantu anak-anak mereka pergi lebih jauh terutamanya selepas kerjaya sukan berakhir.

"Itulah sebabnya mengapa Kerajaan Negeri mengambil serius mengenai perkara ini dan mewujudkan program PACE sebagai pendorong kepada atlet untuk membina masa depan yang lebih baik," katanya semasa sesi interaksi bersama-sama barisan penerima insentif PACE yang diadakan secara maya pada 12 Jun lalu.

Sesi yang berlangsung kira-kira satu setengah jam itu dianjurkan oleh Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) dan turut menampilkan beberapa atlet antaranya dari sukan *floorball*, hoki dan sepak takraw.

Sesi tersebut turut menampilkan Pengarah MSNPP, Harry Chai Heng Hua dan beberapa wakil syarikat penaja bagi program PACE.

Mengulas lanjut, Lip Chee menjelaskan bahawa PACE secara umumnya ditubuhkan khusus untuk menyediakan platform pendidikan serta peluang pekerjaan kepada para atlet di negeri ini.

"Saya berpandangan bahawa keperluan membina sebuah program khas seperti ini berupaya menjadi platform kepada kemajuan atlet dalam bidang pendidikan terutamanya selepas mereka tamat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM).

"Melalui program seperti ini, para atlet berpeluang untuk menyambung pelajaran ke peringkat institusi pengajian tinggi (IPT) bagi mendapatkan segulung ijazah atau sarjana yang amat penting dalam era globalisasi ini.

"Kerajaan Negeri akan memberikan bantuan, dan atlet pula hanya perlu berusaha supaya mendapat keputusan cemerlang bagi membolehkan bantuan kewangan ini disambung setiap semester sehingga tamat pengajian diploma atau ijazah," ujarnya.

Dalam pada itu, penerima-penerima biasiswa serta insentif PACE yang mengambil bahagian dalam sesi interaksi tersebut turut mengambil peluang menzahirkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri atas peluang yang diberikan kepada mereka.

Dalam program berasingan pada 13 Jun lalu pula, Lip Chee mengajak barisan atlet negeri Pulau Pinang untuk mencontohi semangat juang skuad Piala Thomas 1992 yang menjuarai kejohanan berprestij badminton.

> **"Kerajaan Negeri mengambil inisiatif mewujudkan program PACE untuk memastikan masa depan yang lebih cerah bagi atlet-atlet di negeri ini sekali gus dapat mengubah persepsi masyarakat terhadap bidang sukan sebagai satu kerjaya."**

Menurut beliau, tanpa semangat juang yang tinggi, tidak mungkin skuad tersebut berjaya menundukkan kuasa besar badminton ketika itu iaitu Indonesia menerusi kemenangan 3-2 di Stadium Negara, Kuala Lumpur.

"Saya berharap semangat skuad Piala Thomas 1992 dapat dicontohi oleh semua atlet pada hari ini untuk mengecapi kejayaan.

"Semangat tersebut juga menunjukkan satu tahap disiplin yang tinggi kepada setiap atlet terutamanya mengenai fokus, serius terhadap setiap mata pertandingan dan saya tahu itu bukan mudah," ulasnya.

Di bawah program PACE yang dilancarkan pada 1 Ogos 2020, terdapat tiga teras utama iaitu menyediakan platform pendidikan untuk memberi peluang kepada para atlet melanjutkan pelajaran ke menara gading; membina laluan kerjaya kepada atlet serta bekas atlet untuk diserap ke sektor awam ataupun swasta dan juga bagi memastikan kebajikan para atlet terpelihara setiap masa.

Dalam pada itu, Lip Chee memberitahu bahawa untuk melihat perubahan yang dilakukan bukanlah dengan sekelip mata sebaliknya ia mungkin memakan masa tiga hingga empat tahun atau lebih.

"Sejak menjadi Exco untuk sukan, saya perkenalkan Sukan Untuk Semua atau *Sports for All*, program-program pelapis dan beberapa prospek olahraga.

"Selain itu, saya sering menyeru barisan atlet bahawa mereka perlu ada pendekatan 3K iaitu, keinginan, keyakinan dan ketabahan.

"Di sini, saya ingin tambah lagi 2K iaitu kekuatan dan kejayaan... saya percaya kalau semua atlet mempunyai ciri 5K ini, maka anda boleh berada di tangga kejayaan," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal.



SOON Lip Chee (barisan kedua, kiri sekali) pada sesi interaksi bertarikh 13 Jun lalu.




SESI interaksi bersama-sama barisan penerima PACE yang diadakan secara maya pada 12 Jun baru-baru ini.




Oleh: **AZMI HUSSIN**

# RM45.24 juta peruntukan TPM80PP

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN -** Sejumlah RM45.24 juta telah diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Tabung Penyelenggaraan Maksimum 80 Peratus Pulau Pinang (TPM80PP) bagi melaksanakan pelbagai projek penyelenggaraan serta naik taraf skim-skim perumahan swasta di negeri ini sejak 2013.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata bahawa meskipun dunia kini berdepan dengan pandemik COVID-19, Kerajaan Negeri akan memastikan sektor hartanah terus 'hidup'.

"Kerajaan Negeri akan sentiasa berusaha dan memastikan bukan sahaja pembekalan rumah mampu milik untuk rakyat Pulau Pinang diteruskan tetapi juga memastikan sektor hartanah terus 'bergerak' dan 'hidup'.

"(Dan) ini termasuk soal penyelenggaraan di skim-skim perumahan mampu milik di negeri ini dengan keutamaan terhadap skim perumahan kos rendah," ujarnya dalam sidang media melalui *Facebook Live* sejurus menghadiri mesyuarat TPM80PP di pejabat Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) di sini 17 Jun lalu.

Mengulas mengenai keputusan mesyuarat berkenaan, Jagdeep memberitahu bahawa sejumlah 15 projek penyelenggaraan dan naik taraf diluluskan.

> **"Sejumlah RM45.24 juta diperuntukkan Kerajaan Negeri melalui Tabung Penyelenggaraan Maksimum 80 Peratus Pulau Pinang (TPM80PP) bagi melaksanakan kepelbagaian projek penyelenggaraan serta naik taraf skim-skim perumahan swasta demi kepentingan rakyat Pulau Pinang sejak 2013."**

"Setakat hari ini, sejumlah 283 permohonan diluluskan merangkumi 479 projek telah dilaksanakan.

"Secara purata, kebanyakan projek penyelenggaraan dan menaik taraf ini merangkumi kerja-kerja penggantian lif, bumbung, sistem saliran dan perpaipan, pengecatan semula, penggantian tangki air, penurapan jalan serta baik pulih kerosakan am," jelasnya.

Dalam sidang media sama, Jagdeep turut mengumumkan jumlah penyaluran dana penyelenggaraan serta naik taraf bagi semua skim perumahan swasta dan awam yang layak di negeri ini.

"Sukacita saya maklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah menyalurkan dana berjumlah RM276.46 juta bagi kerja-kerja penyelenggaraan dan menaik taraf di semua skim perumahan swasta dan awam yang layak sehingga 16 Jun 2021.

"(Dan) saya percaya melalui penyaluran dana ini, ia mampu menjana ekonomi Pulau Pinang semasa (tempoh) pandemik ini kerana melibatkan pelbagai rantaian serta pihak berkaitan dalam sektor perumahan dan hartanah di negeri ini," katanya sambil menzahirkan komitmen Kerajaan Negeri untuk terus membantu meringan beban yang dihadapi rakyat kini.

Berikut adalah pecahan saluran peruntukan bagi projek penyelenggaraan yang layak di negeri ini:-

- Projek penyelenggaraan melibatkan skim perumahan awam (RM202.9 juta);
- Perumahan di bawah Majlis Bandaraya Pulau Pinang, MBPP (RM24.01 juta);
- Majlis Bandaraya Seberang Perai, MBSP (RM4.26 juta); dan
- TPM80PP (RM45.24 juta).

## Projek sulung LPNPP jangka siap 2025

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Negeri menerusi Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) akan memajukan sendiri 253 unit kediaman jenis kos sederhana rendah dan 1,014 unit rumah mampu milik (RMM) bawah siling harga RM300,000 di atas sebidang tanah berkeluasan 7.6 ekar dekat Bukit Gedung, Bayan Baru.

Mengumumkan perkara itu, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata bahawa proses panggilan tender akan dibuat pada hujung Jun, dan projek sulung LPNPP tersebut dijangka siap pada tahun 2025.

"LPNPP akan memajukan sendiri satu projek perumahan mampu milik iaitu di Bukit Gedung, Bayan Baru.

"Ini, adalah yang pertama dan ia adalah projek bersejarah," jelasnya yang juga ahli lembaga pengarah LPNPP dalam sidang media di sini pada 14 Jun 2021.

Menurut Jagdeep, pelbagai kelengkapan kemudahan tambahan dan moden dalam projek sulung LPNPP tersebut dijangka bakal menyaingi projek-projek perumahan sedia ada yang dimasukkan oleh firma-firma perumahan swasta di negeri ini.

Selain itu, beliau menjelaskan bahawa tujuh daripada 10 projek perumahan yang sedang dilaksanakan sejak awal tahun ini adalah RMM.

"Jadi, terima kasih kepada semua yang bersama-sama kita (Kerajaan Negeri) dalam menjayakan objektif membina rumah mampu milik (RMM)," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat.

Dalam perkembangan berkaitan, Jagdeep turut mengumumkan kempen pemilikan rumah Pulau Pinang dengan pemberian 10 peratus diskaun atas pembelian rumah pertama yang tamat pada 9 Jun 2021 dan kini dilanjutkan selama setahun lagi iaitu sehingga 30 Jun 2022.

"Di dalam negara juga ada kempen seumpama ini dengan pemberian insentif tertentu juga.

"Justeru, kita (Kerajaan Negeri) berharap Kerajaan Pusat juga boleh mempertimbangkan sama seperti Pulau Pinang iaitu untuk melanjutkan selama satu tahun lagi kempen berkaitan," ulasnya sambil memberitahu bahawa pelanjutan tempoh kempen berkaitan tersebut akan membantu rakyat memiliki RMM pertama dalam tempoh pandemik.



**JAGDEEP Singh Deo pada sidang media di sini baru-baru ini.**



**ILUSTRASI grafik projek RMM dekat Bukit Gedung, Bayan Baru yang bakal dimajukan sendiri oleh LPNPP.**

# Peruntukan khas agih bakul makanan

Teks & Gambar : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**BATU MAUNG –** Kerajaan Negeri memperuntukkan kira-kira RM500,000 untuk mengagihkan 10,000 bakul makanan di kesemua Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) pada tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung, Dato' Abdul Halim Hussain berkata bahawa pihaknya menerima kira-kira 200 bakul makanan untuk diagihkan kepada masyarakat yang terkesan dek pelaksanaan PKP 3.0 tersebut.

Menurut beliau, bantuan bakul makanan daripada Kerajaan Negeri tersebut sememangnya sangat membantu keluarga yang memerlukan memandangkan di KADUN Batu Maung sahaja hampir 50 peratus penduduk menetap di rumah kos rendah (KR) dan kos sederhana rendah (KSR) yang rata-ratanya berpendapatan bawah RM2,000.

"Itu belum masuk lagi mereka yang tinggal di kampung iaitu terdiri daripada golongan nelayan, ibu tunggal, penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan ZPP (Zakat Pulau Pinang).

"Bantuan ini sememangnya membantu meningkatkan jumlah bantuan sedia ada kepada penduduk sekitar kawasan Batu Maung, selain bantuan daripada saya (Pusat Khidmat Batu Maung) melalui peruntukan ADUN.

"Sepanjang PKP 3.0 ini sahaja, sekitar 1,500 bakul makanan telah diagihkan kepada penduduk terkesan terutamanya keluarga yang betul-betul memerlukan," ujarnya yang melahirkan rasa syukur atas inisiatif pasukan pusat khidmatnya yang berusaha mengumpul data penduduk sejak beberapa tahun lalu bagi membantu penyerahan bantuan dilaksanakan dengan lebih efisien.

Difahamkan bahawa, setiap bakul makanan yang disumbangkan Kerajaan Negeri mengandungi kira-kira 14 makanan keperluan asas.

> **"Bantuan bakul makanan daripada peruntukan khas Kerajaan Negeri sememangnya sangat membantu keluarga yang memerlukan."**

Abdul Halim yang juga Exco Perdagangan, Industri dan Pembangunan Usahawan sebelum itu bersama-sama beberapa sukarelawan yang terdiri daripada golongan ibu serta kakitangan Pusat Khidmat KADUN Batu Maung ditemui ketika sedang sibuk mengasingkan sayur-sayuran serta buah-buahan sumbangan Mutiara Food Bank (MFB) untuk diagihkan kepada penerima.

Mengulas lanjut, beliau menyatakan bahawa sumbangan setiap dua minggu tersebut dapat meringankan beban keluarga memerlukan yang tersenarai sebagai penerima bank makanan.

"Di sini (Batu Maung) sahaja terdapat kira-kira 30 hingga 40 penerima bank makanan, tidak termasuk penerima di MPKK (Majlis Pengurusan Komuniti Kampung) Bukit Gedung," ulasnya.

**Sebarang permohonan atau bantuan, sila hubungi Pusat Khidmat KADUN Batu Maung di talian hotline, 012 - 6515237 atau 04-6261442.**



GOLONGAN ibu serta kakitangan Pusat Khidmat KADUN Batu Maung sedang mengkelaskan sayur-sayuran serta buah-buahan sumbangan MFB untuk diagihkan kepada para penerima.



ABDUL Halim Hussain (kanan sekali) dan Muhammad Zakwan Mustafa Kamal memasukkan sebahagian sayur-sayuran ke dalam beg khas untuk diagihkan kepada keluarga perlu di sini.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif MFB, **MUHAMMAD ZAKWAN MUSTAFA KAMAL** ketika ditemui di lokasi sama melahirkan rasa lega ekoran bantuan bakul makanan yang disumbangkan Kerajaan Negeri itu tiba tepat pada masanya.

Beliau memberitahu bahawa ekoran pelaksanaan PKP 3.0 dan juga pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) membabitkan Pekan Bayan Lepas baru-baru ini, permintaan terhadap sumbangan bakul makanan MFB adalah amat banyak.

"Permintaan adalah meliputi barangan makanan terutamanya makanan kering seperti beras, mi segera, bihun, sardin dan lain-lain yang meningkat mendadak sehingga menyebabkan MFB kekurangan bekalan ketika itu.

"Alhamdulillah, daripada 10,000 bakul makanan yang diperuntukkan kepada setiap KADUN, MFB menerima 700 bakul makanan yang sama untuk kita agihkan kepada masyarakat terkesan.

"Sumbangan tersebut sekali gus menyelesaikan masalah kekurangan stok bekalan makanan kering di MFB pada tempoh berkaitan, walaupun pada dasarnya kita banyak menerima sumbangan daripada syarikat-syarikat korporat yang melaksanakan tanggungjawab sosial korporat (CSR) masing-masing,'' jelasnya lanjut.

Beralih kepada sumbangan bank makanan diterajui MFB, Muhammad Zakwan menyatakan bahawa sehingga kini terdapat 17 KADUN dan 82 MPKK di seluruh Pulau Pinang terlibat sama.

"Disebabkan permintaan meningkat mendadak, maka MFB untuk fasa ini akan memfokuskan kepada permohonan terus yang dibuat oleh pemohon.

**"Sebarang permohonan boleh disalurkan melalui e-mel, *mutiarafoodbank18@gmail.com* atau telefon, 04-2189654 ataupun hubungi Puan Jasniza di talian 012-4412280,"** ulasnya.



# Setiap hari adalah pengalaman baharu - Dr. Sotheenathan

**TIDAK** ada yang mustahil… Walaupun berasal dari *Dublin Estate*, Sungai Petani, Kedah (kini dikenali sebagai Ladang Sungai Dingin), cucu kepada penoreh getah di kawasan itu kini boleh mendabik dada apabila berjaya menempa nama sebagai doktor pakar perubatan.

**DR. K. SOTHEENATHAN**, 46, anak kepada pasangan A. Krishnan dan K. Muniammah kini berkhidmat sebagai pakar bedah kardiothorasik (jantung dan paru-paru) di Hospital Pulau Pinang (HPP).

Selain Pulau Pinang, graduan dari Universiti Malaya (UM) itu juga pernah menabur bakti di beberapa buah negeri lain sebelum ini.

Bahkan, di Pulau Pinang juga, bidang itu turut menggamit kehadiran pesakit dari kawasan utara Semenanjung dan sebahagian Perak yang menuntut dedikasi beliau serta pasukannya.

"Secara ringkasnya, saya telah menamatkan perkhidmatan sebagai *housemanship* (Pegawai Perubatan Siswazah) pada tahun 2002 dan memulakan kerjaya sebagai pelatih pakar bedah pada tahun 2011.

"Bidang perubatan sebenarnya ada banyak cabang, bermula dengan pegawai perubatan dan seterusnya kita boleh memilih bidang apa yang kita inginkan sebagai kepakaran," ujar Sotheenathan ketika ditemui wartawan Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** bersama-sama jurufoto, **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI** baru-baru ini.

> **"Setiap hari adalah pengalaman baharu yang perlu dihadapi sebagai pakar bedah kardiothorasik dan dalam kerjaya seperti ini, kita perlu ada keikhlasan ketika berkhidmat, niat ikhlas untuk selamatkan nyawa pesakit yang diamanahkan.**



**DR. K. Sotheenathan.**

## Pengalaman dan cabaran

Membawa nama sebagai seorang pakar bedah sememangnya memerlukan sokongan serta galakan yang kuat terutamanya daripada ahli keluarga.

Tambahan pula, kerjaya tersebut amat berkait rapat dengan nyawa pesakit sekali gus menuntut keseimbangan yang konsisten di antara keluarga serta kerjaya.

Pernah berkelana hingga ke United Kingdom, Sotheenathan menjelaskan bahawa pengalaman tersebut telah mematangkan beliau dalam kerjaya yang sangat mencabar itu.

"Peluang berada di luar negara sememangnya memberikan pengalaman baharu serta berguna kepada saya, khususnya dari segi pengurusan kesihatan di sana dan sebagainya.

"Namun jauh di sudut hati saya, Malaysia tetap negara yang terbaik dan sentiasa dirindui walaupun sejauh mana atau setinggi mana kita berada.



**DR. K. Sotheenathan bersama-sama isteri, Dr. S. Sivasangari dan anak-anak mereka.**

"Itulah perasaan yang kita akan rasa apabila berada di luar negara," jelasnya yang mendapat biasiswa penuh daripada kerajaan.

Bagi Sotheenathan, setiap hari adalah pengalaman baharu yang perlu dihadapi beliau sebagai pakar kardiothorasik.

"Kerjaya sebagai pakar bedah mempunyai risiko tinggi, antara cabaran yang sering kami hadapi adalah apabila pesakit selalu berbicara tentang pelbagai perkara.

"Dalam kerjaya seperti ini, kita perlu ikhlas menunaikan amanah iaitu untuk menyelamatkan nyawa pesakit dan bukannya berkhidmat kerana wang ringgit semata-mata.

"Selalu saya beritahu kepada pesakit saya, saya ini cuma 'alat' sahaja dan yang menyembuhkan mereka adalah Tuhan.

"Oleh itu, setiap pagi saya akan berdoa agar semua pesakit saya sembuh dan kembali ke pangkuan keluarga dalam keadaan sihat," ulasnya yang dianggarkan sudah menjalankan kira-kira 500 pembedahan melibatkan jantung serta paru-paru.

## Keluarga jadi keutamaan

Bagi Sotheenathan, insan paling istimewa sudah tentu isteri beliau yang juga seorang doktor di hospital sama iaitu **DR. S. SIVASANGARI**.

Menyelami kehidupan berkeluarga, Sivasangari memberitahu bahawa adalah menjadi kebiasaan apabila suaminya 'membawa pulang' kerja hingga ke rumah.

"Saya boleh lihat dia *'happy'* kalau ada kes-kes yang berjaya diselesaikan, dan saya tahu betapa rapatnya beliau dengan pesakit-pesakit… memang macam keluarga sendiri.

"Setiap hari beliau berdoa, bermeditasi untuk memulakan hari beliau, kalau tengok dia macam tak *'happy'* kita tahu mesti ada sesuatu terjadi kepada pesakitnya.

"Kalau lewat malam, tengok tiba-tiba beliau tiada, kami sudah faham mesti dia ke hospital.

"Sebab itulah kami memilih untuk tinggal di sini, *'walking distance'* (jarak perjalanan lebih dekat) ke hospital, apa-apa kecemasan beliau akan cepat sampai," maklum Sivasangari yang mula mengenali Sotheenathan ketika menyambung pelajaran di peringkat Sarjana di Universiti Sains Malaysia (USM) Pulau Pinang.

"Nilai komited Sotheenathan memang sukar ditandingi, sehinggakan deringan telefon lewat malam akan mengejutkan beliau berbanding kejutan daripada isteri sendiri," seloroh Sivasangari lanjut.

## Nasihat kepada umum

Sebelum menutup bicara, pasangan berkaitan sempat menyampaikan nasihat penting kepada masyarakat berkenaan penjagaan paru-paru dan jantung.

"Paling penting adalah jangan hisap rokok. Bukan sahaja penting untuk menjaga paru-paru serta jantung kita sendiri, tetapi juga orang di sekeliling yang menjadi perokok pasif.

"Kesan (asap rokok) kepada 'perokok kedua' (perokok pasif) sebenarnya lebih teruk berbanding mereka yang menghisapnya secara terus," nasihat Sotheenathan.

## Perancangan masa hadapan

Melihat kepada situasi COVID-19 yang meruncing, Sotheenathan sempat memberi pandangan mengenai perancangan masa hadapan bidang diceburi beliau.

"Saya harap satu hari nanti bidang perubatan Malaysia mempunyai satu pelan jangka panjang untuk 'backup' kepada organ paru-paru.

"Contohnya, macam buah pinggang, kalau rosak, ia boleh didialisis, tetapi untuk paru-paru belum ada program seperti itu sebagai langkah rawatan kedua sekiranya ia (paru-paru) mengalami kerosakan," ujarnya yang turut menyarankan agar kesihatan paru-paru juga penting untuk dijaga.




(Sambungan dari muka 1).

# 'Paru-paru' hijau luar biasa



LANDSKAP menarik sememangnya menggamit setiap jiwa yang bertandang.

Mengulas lanjut, Leng Guan yang telah dilantik sebagai kurator di Jabatan Botani Pulau Pinang pada tahun 2017 menjelaskan bahawa beliau menghabiskan masa dalam dua tahun pertama untuk menyemak semula Rancangan Kawasan Khas (RKK) bagi taman berkenaan.

Menurut beliau, langkah itu adalah bertujuan menghidupkan semula ruang-ruang sedia ada untuk dinikmati oleh masyarakat tempatan atau pelancong antarabangsa.

"Setelah meneliti dan menyemak semula RKK secara menyeluruh, saya dan pasukan telah mengusahakan beberapa perkara di kawasan ini, termasuk mendirikan rumah tanaman dalaman *(indoor)* berdekatan kebun.

"Selain itu, beberapa usaha lain juga turut dijalankan seperti memasang kod QR pada plat logam yang diletakkan bersebelahan dengan pokok dan tanaman untuk membolehkan pengunjung memperoleh matlumat mengenai tumbuhan yang ada di taman ini.

"Langkah ini adalah penting kerana terdapat lebih daripada 400 spesies tanaman serta pokok di sini. Oleh itu, plat logam ini akan memudahkan pengunjung untuk mendapatkan maklumat mengenai pokok serta tanaman di sini dengan hanya mengimbas pada kod QR," tambahnya.

Ditanya mengenai perancangan masa hadapan bagi Taman Botani Pulau Pinang, Leng Guan menjelaskan bahawa RKK yang meliputi kawasan seluas 212 hektar itu akan ditambah baik terutamanya daripada segi komposisi tanaman dan kemudahan kepada para pengunjung.

"Selain itu, kita juga akan membuat penambaikan daripada segi pengurusan pengumpulan tanaman, menaik taraf laluan pejalan kaki sedia ada dan membina *'canopy walk'* serta menara tinjau berhampiran air terjun (Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang, PBAPP) yang terletak di dalam kawasan taman ini.





**KEPELBAGAIAN *jenis flora yang menarik.***

"Untuk menjadikan Taman Botani Pulau Pinang lebih istimewa dalam masa terdekat sememangnya memerlukan tenaga kerja yang banyak serta berkemahiran di peringkat jabatan bagi meneruskan usaha ini.

"Taman adalah tempat di mana kita mengumpulkan tanaman dan bercerita mengenai tumbuh-tumbuhan yang ada di sini.

"(Dan) untuk tujuan itu, tidak semestinya kita perlu memiliki pendidikan khusus berkaitan tanaman, tetapi kadang-kala apa yang kita perlukan hanyalah keinginan untuk berusaha selain mempunyai minat yang mendalam terhadap tumbuhan alam semula jadi," ulasnya.

Dalam pada itu, Leng Guan berkata bahawa walaupun usianya kini sudah mencecah 65 tahun, tetapi beliau masih mempunyai impian iaitu mahu memperluaskan lagi ilmu pengetahuan tentang pokok palma melalui satu kajian yang menyeluruh.

Difahamkan, beliau yang merupakan anak kelahiran Taiping, Perak telah mendapat pendidikan awal di Melaka dan meneruskan pendidikan sekolah menengah dekat Klang, Selangor.

Beliau mempunyai ijazah dalam bidang Botani dari Universiti Putra Malaysia (UPM) dan ijazah sarjana serta menamatkan pendidikan doktor falsafah (PhD) dalam program yang sama di *University of Reading, United Kingdom.*





KOLAM teratai gergasi yang tersergam indah.

# Ramuan Jeruk Taqi istimewa

**BUAH-buahan** yang diperam dengan ramuan semula jadi bukan sahaja menjanjikan kelainan rasa yang menjadikan jeruk lebih istimewa malah sihat untuk dinikmati pelanggan.

Bagi yang mementingkan kesihatan, pastinya pemilihan makanan harian menjadi keutamaan dan atas kesedaran tersebut, ia telah menimbulkan idea buat syarikat tempatan yang dikenali sebagai Trio Bangkit Enterprise yang beroperasi di Bukit Minyak dekat Bukit Mertajam untuk menghasilkan jeruk buah tanpa perisa tambahan berbahaya.

Syarikat ini dimiliki oleh seorang usahawan muda yang bercita-cita tinggi, **AHMAD TAQIUDDIN JAMALUDDIN**, 28.

Dikomersialkan sebagai Jeruk Taqi, jeruk buah yang dihasilkan oleh syarikat berkaitan diadun serta diperam menggunakan bahan-bahan semula jadi iaitu campuran madu kelulut asli dan cuka khas organik.

Ahmad Taqiuddin berkata bahawa penghasilan jeruk buah olehnya adalah berbeza dengan jeruk buah lain yang berada di pasaran.

Menurut beliau, bahan-bahan semula jadi yang menjadi ramuan penting akan menimbulkan rasa masam dan manis yang sempurna dalam penghasilan jeruk.

“Kami menggunakan madu lebah kelulut tanpa rasa dan juga sari cuka epal organik sebagai bahan utama termasuk bahan khas lain untuk mewujudkan rasa masam serta manis yang bercampur sempurna untuk menghasilkan jeruk buah.

"Kebanyakan jeruk buah lain yang terdapat di pasaran menggunakan banyak cuka dan makanan tambahan yang tidak baik untuk kesihatan kita.

"Sementara itu, jeruk buah yang dihasilkan kami adalah tidak terlalu manis atau terlalu masam, tetapi rasanya lebih seimbang serta baik untuk kesihatan juga… inilah yang menjadikan produk kami berbeza daripada yang lain,” katanya kepada Buletin Mutiara dalam wawancara eksklusif menerusi telefon baru-baru ini.

Menurut Ahmad Taqiuddin, Jeruk Taqi dahulunya dikenali sebagai Jeruk Junjong, yang mana produk jeruk buah tersebut bukan sahaja sihat dan halal, malah telah mendapat pengiktirafan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

> **“Jeruk buah yang dihasilkan kami adalah tidak terlalu manis atau terlalu masam, tetapi rasanya lebih seimbang serta baik untuk kesihatan juga… inilah yang menjadikan produk kami berbeza daripada yang lain.”**

“Ia diperakui sebagai produk yang selamat serta sihat melalui pensijilan MeSTI oleh KKM.

“Serentak itu, ini membuktikan bahawa produk kami adalah selamat dan tidak mendatangkan bahaya serta kesan buruk kepada orang ramai.

"Justeru, pelanggan dapat menikmati kelazatan jeruk buah di bawah jenama Jeruk Taqi ini tanpa perlu risau tentang apa-apa kemudaratan," tambahnya yang mula berkecimpung dalam perusahaan berkenaan sejak tahun 2016 sejurus tamat belajar dalam bidang diploma di sebuah institusi pendidikan dalam negara.

Bermula dengan penghasilan jeruk buah dalam skala kecil di rumah, Ahmad Taqiuddin kini mampu menarik nafas lega apabila perusahaannya itu telah berkembang dan diterima ramai.

“Minat mula timbul ketika saya bekerja sementara di sebuah kilang jeruk dekat Junjong selepas tamat peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dahulu.

“Dari situ timbul minat, dan berbekalkan pengalaman yang ada sejurus sahaja tamat pengajian diploma, saya terus memulakan perusahaan jeruk ini di rumah tetapi secara *homemade* dan skala kecil sahaja pada tahun 2016, pasaran pun terhad ketika itu.

“Setahun selepas itu, syukur Alhamdulillah saya dapat sewa sebuah kilang di Bukit Minyak (kini) dan mengembangkan pembuatan jeruk dalam skala yang lebih besar,” kongsi beliau.



**AHMAD Taqiuddin Jamaluddin menunjukkan banting promosi produk beliau.**

Difahamkan, terdapat 10 jenis jeruk buah yang dihasilkan kilang berkaitan antaranya mangga, betik, jambu batu dan banyak lagi yang dijual antara harga RM7 hingga RM30 perkilogram (kg) mengikut jenis buah.

Sambil melahirkan rasa syukur, Ahmad Taqiuddin memaklumkan bahawa kilang perusahaannya mampu meraih keuntungan kasar sekitar RM40,000 bulanan.

Jelas anak muda itu lagi, beliau mempunyai impian untuk mengembangkan penjualan jeruk buahnya secara bergerak iaitu menggunakan kendera saji *(food truck)* yang menjadi sohor kini dalam negara.

“Sebenarnya, sebuah kendera saji telah selesai diubah suai untuk menjual Jeruk Taqi di tempat-tempat pelancongan di sekitar Pulau Pinang, tetapi memandangkan pandemik yang menyerang, hasrat ini perlu ditangguhkan dahulu… mudah-mudahan apabila keadaan kembali normal hasrat saya ini dapat diteruskan.

"Dengan cara ini, ia dapat mempromosikan lagi produk kami dan juga makanan tempatan yang popular di Pulau Pinang kepada orang ramai dan para pelancong,” ulasnya.



**SEBAHAGIAN produk yang dipasarkan.**

**Mereka yang berminat boleh membeli Jeruk Taqi melalui platform *Shopee* dengan melakukan carian melalui nama ‘Taqi Penang Signature’ atau menghubungi 013-487 9597 untuk sebarang pertanyaan.**



**REKA bentuk kendera saji yang dalam perancangan.**

# Impak pandemik, suami isteri mulakan




PREMIS Nasi Lemak Wakzee yang terletak di Jalan Macalister.



SELAIN nasi lemak yang wangi, sambal Nasi Lemak Wakzee merupakan keistimewaan yang menggamit pelanggan untuk kembali menikmatinya.



NASI lemak biasa.

**SELAIN** roti canai, roti bakar dan nasi kandar, nasi lemak turut menjadi menu kegemaran hampir setiap rakyat Malaysia. Tidak kira sama ada dimakan untuk sarapan pagi, merarau (makan tengah hari), minum petang, makan malam atau makan lewat malam, nasi lemak mudah didapati di mana-mana.

Rasa nasi lemak yang bersantan tidak perlu diperkenalkan lagi, ditambah pula dengan wangian daun pandan serta halba. Dilengkapi dengan sambal pedas dan manis memikat, ikan bilis yang garing dan rangup serta telur rebus. Dibungkus pula dengan daun pisang...memang legit!

Baru-baru ini, wartawan Buletin Mutiara, **AINUL WARDAH SOHILLI** bersama-sama jurugambar, **ALISSALA THIAN** berkesempatan mencuba nasi lemak di gerai baru yang kian dikenali ramai walaupun baru setahun jagung memulakan perniagaan.

Sebelum ini, acapkali melintasi *MS Foodcourt* yang terletak di Jalan Macalister, mata pasti tertarik dengan barisan pelanggan yang panjang. Namun, penulis tidak berkesempatan mencuba nasi lemak tersebut, hanya cerita melalui rakan-rakan yang berkongsi rasa keenakannya.

Tekad untuk mencuba, penulis bersama-sama rakan jurugambar sanggup beratur panjang, kira-kira 40 minit, demi merasai sendiri keenakan nasi lemak yang mulanya digelar 'Nasi Lemak Pramugari' dalam kalangan rakan-rakan penulis lain.

Pemilik, **HANA BATRISYA ZAINOL**, 23, atau lebih mesra disapa dengan panggilan Hana ini merupakan anak jati Pulau Pinang. Mengusahakan perniagaan nasi lemak wangi bersama-sama suami **MUHAMMAD NUR AZIZEE ROSLAN**, 24, Hana berkongsi kisah bagaimana perniagaan yang dimulakan sejak Mac 2021 mula dikenali.

Kisah nasi lemak ini pernah disiarkan di *Facebook* Buletin Mutiara pada 2 Jun lalu selepas ia dikongsikan oleh pelayar *Facebook* sehari sebelumnya dan kini mendapat liputan yang meluas serta menjadi tular dalam kalangan pelanggan yang berbilang bangsa.

## Pengalaman dan pegangan hidup

Meskipun mengalami pengalaman pahit apabila kehilangan pekerjaan akibat pemberhentian kerja pada November 2020, Hana dan suami tidak mudah melatah sebaliknya mencabar diri memulakan perniagaan yang kini dikenali sebagai 'Nasi Lemak Wakzee'.

Terletak di dalam premis *MS Foodcourt* dekat Jalan Macalister, George Town, Hana berkongsi ceritanya dengan Buletin Mutiara.

*(Sambungan di muka 9).*

(Sambungan dari muka 8).

# perniagaan nasi lemak wangi

"Sebelum ini, Hana bertugas sebagai pramugari di salah sebuah syarikat penerbangan komersial negara sebelum diberhentikan kerja tahun lalu.

"Begitu juga suami yang sebelum ini berkhidmat di bahagian *in-flight catering* dengan syarikat yang sama.

"Namun, ia tidak mematahkan semangat kami untuk terus berusaha dan bermula dengan idea daripada ahli keluarga terutamanya ibu, perniagaan kami kini mula membuahkan hasil," ceritanya yang kini mengusahakan perniagaan nasi lemak bersama-sama suami serta dibantu oleh seorang pembantu.

Mula-mula berniaga dulu, Hana memberitahu hanya 50 bungkus sahaja terjual walaupun tempoh jualan bermula pukul 7 pagi.

"Masa mula-mula berniaga, hanya 50 bungkus sahaja terjual...itupun nasib, adakala tidak sampai 50 bungkus pun.

"Jualan yang tidak terjual pula kami akan sedekahkan kepada orang ramai di sekitar kawasan Komtar. Kadang-kadang tu, kami berikan kepada pengawal keselamatan di pondok-pondok jaga berdekatan," ujarnya yang yakin dengan rezeki daripada Allah SWT.

Berpegang dengan pegangan hidup untuk berjaya di dunia dan di akhirat kelak, Hana dan suami mahu perniagaan Nasi Lemak Wakzee ini berjaya.

"Hasil kejayaan ini dapatlah kami berbakti dan banggakan kedua-dua ibu dan bapa kami.

"(Dan) alhamdulillah, sememangnya kami tidak menyangka akan berada pada tahap kami berada sekarang ini, apatah lagi selepas menjadi viral.

"Walaupun kini hasil jualan meningkat dan rezeki semakin bertambah, apabila tiba hujung bulan kami tidak lupa untuk memberi sedekah kepada mereka yang memerlukan seperti kami lakukan sebelum (perniagaan nasi lemak) menjadi viral, rezeki lebih kami kongsi," katanya yang turut bersyukur dikurniakan suami dan keluarga yang sentiasa menyokong dan menjadi tulang belakang kejayaan perniagaan Nasi Lemak Wakzee.

## Fasih tiga bahasa

Selain fasih bertutur bahasa ibunda, bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris, Hana turut berkebolehan menutur dalam bahasa Hokkien, Mandarin dan Indonesia, menjadikan pelanggan yang datang cukup senang apatah lagi dengan sikap ceria dan ramahnya melayani setiap kehendak serta keperluan pelanggannya.

"Saya mewarisi kebolehan bertutur dalam bahasa Hokkien dan Mandarin daripada bapa saya yang berketurunan Cina.

"Tiada pendidikan formal pun, hanya belajar dengan bapa daripada kecil lagi," katanya yang mewarisi kebolehan berbahasa Indonesia melalui ibunya.

Sememangnya tidak dapat dinafikan, ada dalam kalangan pelanggannya yang lebih mesra menggunakan bahasa Hokkien dan Mandarin ketika membuat pesanan, terutama mereka yang lebih berusia.

## Waktu operasi dan harga

Nasi Lemak Wakzee beroperasi setiap hari kecuali hari Ahad bermula 7 pagi hingga 2 petang. Namun sejak PKP Penuh (FMCO) dilaksanakan pada 1 Jun 2021, waktu operasi adalah mengikut saranan iaitu bermula 8 pagi sehingga selesai.

Difahamkan, segalanya disediakan seawal jam 5 pagi sebelum bergerak ke gerai untuk menyediakan lauk-pauk sampingan dan juga nasi tambahan.

"Masa mula berniaga dulu, kami hanya menyediakan lima kilogram nasi, itupun kadang-kadang habis, kadang-kadang tidak.

"Kemudian, naik ke 25 kilogram dan sekarang ini 50 kilogram (beras diperlukan sehari).

"Bukan itu sahaja, penggunaan telur juga bertambah, jika sebelum ini dalam dua papan telur sahaja sekarang lebih 15 papan telur," kongsinya.

Apabila ditanya mengenai resipi rahsia dan keunikan nasi lemaknya, Hana memaklumkan bahawa tiada resipi rahsia cuma perlu masak dengan cara yang betul, ikhlas dan penuh kasih sayang mengikut petua masakan daripada ibu dan bapa serta keluarga mentuanya.

Harga nasi lemak pula bermula dari RM1.50 sebungkus bagi nasi lemak biasa atau standard; RM2.50 sebungkus bagi nasi lemak berlauk udang, ikan dan ayam. Bagi mereka yang ingin menikmati semua lauk dalam sebungkus nasi lemak, jangan risau, Nasi Lemak Wakzee turut menawarkan nasi lemak campur atau *mixed* pada harga jualan RM4.50 sebungkus.

"Sambal pula, sekiranya tidak mahu pedas, kami akan letak sedikit...kalau mahu ekstra pedas pun boleh, asalkan beritahu pasti beres," ulasnya.

Selain nasi lemak yang menjadi keistimewaan, kuih-muih seperti cekodok pisang, pisang goreng, cucur udang, donut, tauhu goreng dan cempedak goreng juga boleh didapati di sini pada harga yang berpatutan.

Bercerita lebih lanjut, Hana berkata, dia begitu terharu dengan sokongan orang ramai yang berkongsi mengenai Nasi Lemak Wakzee melalui laman media sosial masing-masing. Malah, dia turut berterima kasih dan mengharapkan orang ramai terus mendoakan perniagaan mereka.




HANA Batrisya Zainol (bertudung biru muda) bersama-sama Muhammad Nur Azizee Roslan (berbaju biru) menyiapkan pesanan pelanggan yang tidak putus-putus.

| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| N.26 PADANG KOTA<br>YAB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| N.03 PINANG TUNGGAL<br>YB Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman | (T) 04 - 575 6526<br>(F) 04 - 575 6526 |
| N.16 PERAI<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 383 9131<br>(F) 04 - 383 9131 |
| N.07 SUNGAI PUYU<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| N.12 PENANTI<br>YB Dr. Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 538 2871<br>(F) 04 - 538 4871 |
| N.15 PADANG LALANG<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028<br>(F) 04 - 530 3028 |
| N.29 DATO' KERAMAT<br>YB Jagdeep Singh Deo<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| N.37 BATU MAUNG<br>YB Dato' Haji Abdul Halim Hussain<br>pusatkhidmatn37@gmail.com | (T) 04 - 626 1442<br>(F) 04 - 626 1442 |
| N.08 BAGAN JERMAL<br>YB Soon Lip Chee | (T) 04 - 331 0163 |
| N.22 TANJONG BUNGA<br>YB Zairil Khir Johari | (T) 04 - 890 3866 |
| N.34 PAYA TERUBONG<br>YB Yeoh Soon Hin | (T) 04 - 827 8868<br>(F) 04 - 827 8868 |
| N.28 KOMTAR<br>YB Teh Lai Heng<br>komtar@dappg.org | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| N.06 TELOK AYER TAWAR<br>YB Mustafa Kamal<br>mustafakamal.mkba@gmail.com | (T) 04 - 351 1732 |
| N.09 BAGAN DALAM<br>YB Satees A/L Muniandy<br>n9.bagandalam@gmail.com | (T) 04 - 305 4962 |
| N.11 PERMATANG PASIR<br>YB Muhammad Faiz Bin Fadzil<br>faizfadzilamanah@gmail.com | (T) 04 - 521 1106 |
| N.13 BERAPIT<br>YB Heng Lee Lee<br>berapit@dappg.org | (T) 017 - 813 3509<br>(F) 04 - 540 0006 |
